

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS RESEPSI
MESYUARAT JAWATANKUASA NAIB-NAIB CANSOLOR/REKTOR
UNIVERSITI-UNIVERSITI AWAM BILANGAN 02 TAHUN 2016
PADA HARI JUMAAT, 26 OGOS 2016, PUKUL 8:00 MALAM
DI ANCASA ROYALE HOTEL, PEKAN**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis,

Encik Asraf Ahmad;

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin,

Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

merangkap Pengerusi JKNCR;

Sahabat-sahabat saya,

Para Naib Canselor dan Rektor Universiti-universiti Awam Malaysia;

Wakil-wakil Naib Canselor;

Rakan-rakan saya dari pihak pengurusan UMP;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA, ASAL NAMA PEKAN

1. Kepada Allah Ta'ala dipanjatkan kesyukuran, dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka di Pekan Bandar Diraja, para Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam dapat dipertemukan.
2. Begitu bersejarah lokasi pertemuan ini, daripada tumbuhan *Jasminium curtisi* atau bunga pekan dikatakan tempat ini mendapat namanya. Lama sebelumnya, dikenali tempat ini sebagai Inderapura atau Pura, demikian yang dikisahkan Tun Seri Lanang dalam karya *Sulalatus Salatin* atau Sejarah Melayu yang terkemuka.

3. Di tempat inilah juga dikirim Raja Muhammad oleh ayahandanya Sultan Mansur Syah dari Melaka pada tahun 1470 sebagai hukuman kerana membunuh Tun Besar, anakanda Bendahara Tun Perak dek jatuh destar kerana lantunan bola sepak raga, lalu terbang baginda ke sini, menjadi Sultan Pahang yang pertama, Sultan Muhammad Syah gelaran baginda.

4. Munshi Abdullah juga pernah singgah di sini pada tahun 1838, tatkala beliau belayar bersama dua sekoci Inggeris sebagai utusan dari Singapura ke negeri Kelantan.. Dek tohorna air di Kuala Pahang, maka dilabuhkan *Maggie Lauder*, sekoci besar di mulut kuala, dilayarkan pula *Water Witch*, sekoci kecil mudik Sungai Pahang hingga Pekan Baharu, juga dipanggil Kampung Cina di seberang sungai tempat kita berada kini.

5. Begitu namanya dahulukala kerana Pekan Baharu itu khusus untuk pedagang dan orang kebanyakan, dan Pekan Lama di seberang Sungai Parit, tempat di mana Istana Abu Bakar kini tersergam hanya istimewa untuk persemayaman raja dan kediaman bangsawan.

PEKAN BANDAR DIRAJA, KELAHIRAN TOKOH TERKEMUKA

6. Inilah Pekan Bandar Diraja, selayaknya demikian kerana di sini terdiri 12 istana sehingga kini. Terbesar Istana Abu Bakar, istana rasmi tempat segala istiadat negeri. Juga di sini Istana Mangga Tunggal, tempat keputeraan Sultan Haji Ahmad Shah yang kini sedang bertakhta. Selainnya Istana Kota Beram, Istana Sa'adah, Istana Peninjau, Istana Permai, Istana Pantai, Istana Puri, Istana Melati, Istana Putih, Istana Leban Tunggal dan terkini, di persimpangan masuk Ancara Royale ini, Mahligai Mahkota, istana hinggap Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang.
7. Pernah sekali, sekitar tahun 1967, seorang Pegawai Daerah membuat cadangan menukar nama tempat ini kepada Kota Raja kerana kononnya nama Pekan ketinggalan zaman, namun tidak diteruskan kerana tiada sambutan.
8. Di sinilah juga pusat pentadbiran ibu negeri Pahang sehingga tahun 1891, apabila dipindahkan Inggeris ke Kuala Lipis yang jauh ke hulu, 15 hari mudik Sungai Pahang dari Pekan jika tiada aral melintang.

9. Dahulu kala, perhubungan sukar dan pengangkutan sulit sekali. Sehingga 1933, tiada jalan darat antara Pekan ke Kuantan, perlu berbasikal menyusuri pantai sejauh 30 batu atau 48 kilometer untuk berurusan. Jambatan Sultan Abu Bakar bersebelahan hotel ini hanya siap sekitar 1965, sebelumnya feri perhubungan utama dan jetinya di tapak hotel ini kini berdiri, menyambung perhubungan ke jeti Air Hitam di seberang sana.

10. Menghala masuk ke hotel ini, selepas Mahligai Mahkota, tuan puan pasti melepasi sebuah banglo, di situlah kediaman Dato' Sri Mohd Najib jika pulang melawat kawasan. Di halaman sama kelihatan sebuah rumah kayu, itulah persinggahan Allahyarham Tun Abdul Razak setiap kali pulang ke Pekan.

11. Allahyarham Tun Abdul Razak pernah mengisahkan bagaimana beliau diejek sebagai 'budak hulu' tatkala menuntut di Malay College Kuala Kangsar kerana berasal dari Pekan yang serba sukar perhubungan, namun kini tempat ini megah kerana melahirkan dua Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak dan puteranya, Dato' Sri Mohd Najib.

11. Tidak kurangnya hebatnya seorang lagi putera kelahiran Pekan, Dato' Setia Wangsa Sir Mahmud Mat, asalnya dari Kampung Pulau Keladi, juga di tebing Sungai Pahang, hanya lima minit berkereta dari hotel ini. Beliaulah Menteri Besar Pahang yang pertama dan kemudian mencatat sejarah sebagai penyandang sulung Speaker Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu.

TRANSFORMASI WAJAH, TRADISI MEGAH

12. 59 tahun kemerdekaan negara, Pekan jauh berubah wajah. Tidak lagi hulu letaknya, tapi kini antara nadi utama industri automotif negara. Kurang lima kilometer dari hotel ini menghala Kuantan, luas terbentang Kawasan Perindustrian Peramu yang gah dengan kilang-kilang automotifnya.
13. Jika dulu *posting* kakitangan kerajaan ke sini dianggap *taboo*, kerana konon terlalu hulu, tetapi kini orang gomen dan swasta datang berpusu-pusu, berhijrah menetap membeli hartanah, harganya juga tinggi melambung, tidak lagi seperti dahulu.

14. Apatah lagi kini Universiti Malaysia Pahang berada di sini. Cuma sepuluh minit berkereta dari hotel ini, tersergamnya kampusnya di Kuala Pahang, ibarat sebutir permata di hujung muara.

15. Walaupun pesat arus kemajuan, namun Pekan tetap menawan. Penduduknya ramai, tetapi permai, progresif wajah modennya bersulam sejarah. Ramai mengatakan Pekan istimewa, tidak terlalu kekampungan, dan pada masa yang sama tidak juga terlalu kebandaran sifatnya. Maka di sini, ramai yang tertawan dan jatuh cinta.

16. Keistimewaan sajian tempatannya masyhur menjadi sebutan, maka terlanjur ke sini, Puding Raja, Opor Daging, Martabak, Apam Balik Awang dan Tembosa Raja adalah kemestian, tepuk dada, tanyalah selera.

ALU-ALUAN PENUTUP

17. Demikian Pekan saya persembahkan, pengenalan buat tamu sekalian. Mesra sambutan UMP hulurkan, sebagai tuan rumah tuan puan sekalian, semoga layanan jadi kenangan. Terima kasih atas kunjungan, moga mesyuarat kelak beroleh kejayaan.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.